



6 Ogos 2012
6 August 2012
P.U. (A) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2012**.

(2) Perintah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pusat pengurusan perbendaharaan” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) menjalankan perniagaan penyediaan perkhidmatan yang layak di Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;

(c) diluluskan oleh Menteri apabila memenuhi syarat-syarat yang ditentukan olehnya.

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu pusat pengurusan perbendaharaan daripada pembayaran cukai pendapatan bagi lima tahun taksiran berturut-turut

berkenaan dengan pendapatan statutori daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia dan syarikat berkaitannya yang terletak di Malaysia (selepas ini disebut sebagai “tahun taksiran yang dikecualikan”).

(2) Bagi maksud subperenggan (1), penyediaan perkhidmatan yang layak oleh pusat pengurusan perbendaharaan itu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya kepada tiga syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia dalam suatu tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan.

(3) Permulaan tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Pendapatan statutori yang dikecualikan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah ke atas—

(a) 70% pendapatan statutori daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia; dan

(b) sebahagian pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya yang terletak di Malaysia dan hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

apabila,

A ialah amaun sebagaimana yang ditentukan mengikut formula yang berikut:

$\frac{20}{80} \times$ amaun kesemua pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan yang layak;

B ialah amaun pendapatan kasar daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya di Malaysia; dan

C ialah amaun pendapatan statutori daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya di Malaysia.

(5) Pendapatan statutori daripada perniagaan yang dikecualikan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tempoh yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang sepatutnya dibuat di bawah Jadual 3 Akta walaupun bahawa tiada tuntutan bagi apa-apa elaun telah dibuat.

Peruntukan khas bagi pusat pengurusan perbendaharaan

4. (1) Jika suatu pusat pengurusan perbendaharaan menjalankan perniagaannya di Malaysia—

(a) apa-apa bayaran berhubungan dengan penyediaan perkhidmatan yang layak yang diterima, atau telah dibayar oleh pusat itu daripada, atau kepada mana-mana syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia atau di Malaysia hendaklah pada selengan;

(b) apa-apa faedah yang dikenakan, atau dibayar oleh pusat itu daripada, atau kepada mana-mana syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia atau di Malaysia hendaklah pada harga pasaran.

(2) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) apa-apa bayaran berhubung dengan penyediaan perkhidmatan yang layak di bawah subperenggan (1)(a), adalah kurang atau lebih daripada harga selengan; atau
- (b) apa-apa faedah yang dikenakan, atau telah dibayar di bawah subperenggan (1)(b) adalah berlebihan,

dia boleh menggantikan harga berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan yang layak, atau tidak membenarkan amaun faedah yang dikenakan atau dibayar yang berlebihan, dalam menentukan pendapatan larasan pusat itu.

Sumber berasingan

5. Jika pusat pengurusan perbendaharaan itu menjalankan suatu perniagaan penyediaan perkhidmatan yang layak kepada pejabatnya atau syarikat berkaitan yang terletak di luar Malaysia atau di Malaysia, suatu perniagaan penyediaan perkhidmatan yang layak di Malaysia hendaklah dianggap sebagai suatu sumber perniagaan yang berasingan dan berbeza.

Layanan cukai bagi pusat pengurusan perbendaharaan yang mengalami kerugian

6. (1) Jika pusat pengurusan perbendaharaan itu didapati mempunyai kerugian larasan di bawah subseksyen 44(2) Akta bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa mana-mana tahun taksiran yang dikecualikan berkenaan dengan sumber perniagaan yang terdiri daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia, amaun kerugian larasan itu tidaklah boleh diambil kira daripada sumber yang terdiri daripada penyediaan perkhidmatan yang layak di Malaysia dan perniagaan lain.

(2) Jika pusat pengurusan perbendaharaan itu ditentukan mempunyai kerugian di bawah subseksyen 43(2) Akta bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa mana-mana tahun taksiran yang dikecualikan berkenaan dengan sumber perniagaan yang terdiri daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitannya yang terletak di luar Malaysia, amaun kerugian larasan itu tidaklah boleh